



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



CERITERA INSPENA

EDISI 2025

جابتن فعاچين عام JABATAN PENGAJIAN AM



MEREKAYASA INSAN BERSEPADU

CERITERA INSPENA

EDISI 2025

**CERITERA INSPIRASI
JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif

Edisi kedua 2025

© Politeknik Merlimau Melaka

Diterbitkan Tahun 2026

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa jua alat pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

KM2.5, JALAN MERLIMAU-JASIN

77300 MERLIMAU

MELAKA

Tel: 06 - 263 6687

Fax: 06 - 2636678

Website: www.pmm.mypolycc.edu.my



Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7737-51-5

SIDANG REDAKSI

Penaung

Lt. Kol. Norizam bin Sekak AMN/PK
(Pengarah PMM)

Pengerusi

Faridatuljana binti Mohd Noor
(Timbalan Pengarah Akademik)

Naib Pengerusi

Mohd Faisal bin Ahmad
(Ketua Jabatan Pengajian Am)

Ketua Editor

Nur Farhana binti Misno

Editor

Noor Syahrina Azween binti Md Saru
Nor Fazila binti Shamsuddin
Suresh Kumar A/L Chellapan

Rekagrafik

Rosheela binti Muhammad Thangaveloo
Sharifah Nur binti Abu



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi atas segala limpah rahmat dan izin-Nya, Jabatan Pengajian Am (JPA) sekali lagi berjaya menerbitkan Ceritera InsPenA bagi tahun 2025. Naskhah ini merupakan 'buah tangan' kedua JPA dalam menghimpunkan coretan peristiwa di dalam jabatan. Komitmen, kesungguhan serta semangat kolaboratif warga jabatan dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang sarat dengan nilai inspirasi dan penghargaan telah berjaya diserlahkan dalam naskhah kali ini.

Seiring dengan peranan Jabatan Pengajian Am yang merangkumi Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam, coretan kali ini turut memperlihatkan keupayaan jabatan dalam mendepani cabaran semasa, khususnya dalam era globalisasi, liberalisasi ekonomi serta perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin mempengaruhi landskap dunia pendidikan dan industri. Semoga usaha murni ini terus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan berterusan, mempertingkatkan produktiviti serta memperkukuh keberkesanan pelaksanaan tugas dalam jabatan. Syabas dan tahniah atas usaha yang amat membanggakan ini.

Sekian, terima kasih

NORIZAM BIN SEKAK AMN, P.K.

Pengarah
Politeknik Merlimau Melaka



Timbalan Pengarah (Akademik)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi atas limpah rahmat dan izin-Nya, Jabatan Pengajian Am (JPA) berjaya menerbitkan Ceritera InsPenA pada tahun ini. Penerbitan ini menghimpunkan pelbagai kisah dan pengalaman yang menjadi rujukan terhadap program serta aktiviti yang telah dilaksanakan secara berpasukan, sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan yang mampu menyuntik inspirasi dan penghargaan kepada para pegawai yang terlibat.

Penulisan ini bukan sekadar menyumbang kepada KPI penerbitan. Bahkan, ia adalah manifestasi peranan jabatan yang sentiasa relevan dalam kurikulum semasa. Diharapkan agar naskhah ilmiah seperti ini dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti serta memperkukuh kelancaran pelaksanaan tugas dalam Jabatan Pengajian Am. Tahniah atas usaha cemerlang ini—anda semua sememangnya membanggakan!

Sekian, terima kasih

FARIDATULJANA BINTI MOHD NOOR

Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Merlimau Melaka



Pra kata Ketua Jabatan Pengajian Am

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Syukur ke hadrat Ilahi atas penerbitan **Ceritera InsPenA**, sebuah dokumentasi kisah kejayaan pensyarah Jabatan Pengajian Am (JPA) yang merangkumi Unit Pendidikan Islam dan Unit Bahasa Inggeris. **Ceritera InsPenA** menghimpunkan pencapaian dalam bidang akademik, inovasi, penyelidikan, serta program pembangunan pelajar yang mencerminkan dedikasi tinggi para pendidik.

Sebagai sebahagian daripada tunjang akademik, pensyarah JPA bukan sahaja bertanggungjawab dalam penyampaian ilmu, tetapi juga dalam membimbing pelajar untuk membentuk sahsiah unggul dan pemikiran kritis. Setiap kisah dalam **Ceritera InsPenA** membuktikan bahawa usaha yang konsisten dan penuh keikhlasan mampu membawa kepada kejayaan dan perubahan dalam diri pensyarah dan pelajar.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pensyarah JPA yang telah menyumbang kepada penerbitan **Ceritera InsPenA**. Semoga ia menjadi sumber inspirasi kepada rakan pendidik dan generasi akan datang untuk terus berinovasi serta mencipta lebih banyak kejayaan.

Sekian, terima kasih.

MOHAMAD FAISAL BIN AHMAD

Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Merlimau Melaka

Isi Kandungan

Ceritera 1: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Program Pelajar bersama JPA	1
Ceritera 2: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Bahan Digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) JPA	14
Ceritera 3: Inspirasi Ilmiah - Penyelidikan, Penerbitan, dan Pembentangan JPA	19
Ceritera 4: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Produk Inovasi & Pertandingan	29
Ceritera 5: Inspirasi Ilmiah - Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) JPA	35
Ceritera 6: Inspirasi Ilmiah dan Kreatif - Program JPA bersama Institusi/Agensi/Masyarakat/Umum	37
Ceritera 7: Sumber Inspirasi - Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024	42
Ceritera 8: Inspirasi Kreatif - Coretan JPA	44

CERITERA 1

PROGRAM PELAJAR BERSAMA JPA

Inspirasi Ilmiah & Kreatif


SEMINAR *INE3PRO* 2.0: POWERFUL PRODUCT PITCHING FOR ENGLISH 2 STUDENTS (DUE30122 & DUE30022)

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam elemen keusahawanan dengan menganjurkan Seminar *ine3PRO 2.0: Powerful Product Pitching for English 3 Students (DUE30122 & DUE30022)* secara bersemuka pada 4 Februari 2025.

Seminar ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan tentang penghasilan '*product pitching*' berpandukan kriteria asas penilaian *Oral Presentation* dalam subjek *Communicative English 2 (DUE30122 & DUE30022)* yang disematkan bersama elemen keusahawanan (*embedded*). Para peserta juga diperkenalkan dengan formula mudah dalam menghasilkan '*pitch deck*' yang berkesan menerusi amalan inovasi pembentangan produk secara berstruktur *ine3PRO (structured product pitching)*.

Seminar ini telah dihadiri seramai 149 orang peserta di kalangan pelajar-pelajar Politeknik Merlimau Melaka. Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Puan Nur Farhana Binti Misno, pensyarah Bahasa Inggeris PMM selaku ketua kumpulan bagi kumpulan inovasi *ine3PRO* yang dianggotai bersama Puan Noor Syahrina Azween Binti Md Saru serta Puan Nurul Nadiha Binti Kassim. Program ini juga telah dibantu oleh ahli jawatankuasa pelajar yang dilantik seramai 12 orang di kalangan pelajar-pelajar DHM3A.


Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh jawatankuasa kerja atas penganjuran program yang mampu memberikan nilai tambah kepada para pelajar PMM ini. Terusakan kecemerlangan untuk memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam menambah baik penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.




INE3PRO 2.0: PRODUCT PITCHING BOOTCAMP




Para pensyarah dalam Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am telah melangkah lebih jauh bagi memastikan konsep *ine3PRO* dalam penghasilan 'product pitching' difahami dengan lebih mendalam. Justeru, program *ine3PRO 2.0: Product Pitching Bootcamp* telah diadakan secara atas talian pada 11 April 2025. Program yang berlangsung selama sehari ini telah membincangkan tentang kefahaman pelajar dalam konsep *ine3PRO* serta demonstrasi *pitching* terbaik sebelum pertandingan sebenar diadakan.



Penceramah jemputan adalah Puan Nur Farhana Binti Misno iaitu ketua inovator bagi aplikasi konsep *ine3PRO*. Seramai 34 orang peserta telah menyertai *bootcamp* tersebut, dibantu oleh 2 orang pensyarah yang juga pencetus bersama inovasi ini iaitu Puan Noor Syahrina Azween Bt. Md. Saru dan Puan Nurul Nadiha Binti Kassim sebagai ahli jawatankuasa pelaksana *bootcamp* berkenaan.



Pelajar-pelajar dalam program ini telah berjaya memaparkan struktur pembentangan bagi 'product pitching' masing-masing berdasarkan kesinambungan input yang telah disampaikan pada seminar yang lalu beserta pengukuhan dalam 'product pitching bootcamp' ini. Antara produk pilihan mereka adalah pakej percutian, servis mencuci kereta dan mesin pencetak.



Tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa pengelola program kerana telah berjaya mencungkil bakat para pelajar untuk lebih terampil dan berani dalam berbahasa Inggeris di khalayak ramai. Di samping itu, para pelajar juga berjaya menterjemahkan buah fikiran mereka dalam bentuk pembentangan yang berstruktur dengan penuh keyakinan.

INE3PRO 2.0: POWERFUL PRODUCT PITCHING COMPETITION 2025.

Program *ine3PRO 2.0* bagi Sesi II:2024/2025 telah tiba di kemuncaknya pada 16 Mei 2025 setelah berlangsungnya *Product Pitching Competition 2025*. Pertandingan ini menonjolkan 10 buah kumpulan berentap bagi merebut kejuaraan 'the best performer' di kalangan para pelajar yang mengambil subjek *Communicative English 2*.

Pertandingan ini telah diadili oleh 3 orang juri profesional iaitu Puan Faridatuljana binti Mohd. Noor, Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau Melaka, Puan Marina binti Abu Bakar, mantan pensyarah Bahasa Inggeris, Politeknik Merlimau Melaka dan Puan Faridatul Mastura binti Mohamed Khatib, pensyarah Bahasa Inggeris daripada Kolej Komuniti Bukit Beruang. Acara dimulakan dengan pameran produk oleh para peserta terlibat. Peserta-peserta cuba untuk menarik minat juri jemputan dengan memberikan input ringkas beserta cenderahati bagi produk yang dipamerkan. Di samping itu, peserta-peserta juga perlu memberikan penerangan berkaitan produk dalam Bahasa Inggeris kepada para pelawat reruai.



Seterusnya, para peserta perlu melaksanakan 'product pitching' di atas pentas utama berlatarbelakangkan slaid pembentangan masing-masing. Sebanyak 7 buah kumpulan telah mempertaruhkan produk ketara (*tangible product*) mereka bagi memperoleh keyakinan para juri. Manakala, 2 buah kumpulan lain telah mempertaruhkan produk tidak ketara (*intangible product*) dan dua buah kumpulan lagi mempertaruhkan gabungan produk ketara dan tidak ketara yang berkaitan.

Justeru, tahniah diucapkan kepada para pemenang berikut:

Tempat Pertama:

Nur Irdina Izzati binti Khairul Irwan (DUP3A)

Tempat Kedua:

Kalaiarasi a/p Nantha Kumar (DAT3A)

Darshni a/p Marimuthu (DAT3A)

Trishna a/p Rajadran (DAT3A)

Tempat Ketiga & Pemenang Reruai Terbaik:

Muhammad Haqimi Bin Muhamad Norsatar (DET3A)

Tahniah kepada Unit Bahasa Inggeris atas penganjuran program bermanfaat seperti ini. Ia wajar diteruskan bagi menambah baik mutu pendidikan TVET dalam Bahasa Inggeris.

PERTANDINGAN NEWSCASTING REPORTS AND VALUES FOR COMMUNICATIVE ENGLISH 1 STUDENTS [DUE10112].

Usaha berterusan dalam mendidik para pelajar tentang kepentingan kelestarian alam tidak pernah berhenti. Justeru, Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am terus melaksanakan langkah proaktif dalam melaksanakan pertandingan *Newscasting Reports and Values for Communicative English 1 Students (DUE10112)* yang berkait rapat dengan isu-isu amalan hijau dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Bahasa Inggeris.

Program ini melibatkan penyertaan daripada 13 buah kumpulan di kalangan pelajar-pelajar Kelas DHM1A. Peserta-peserta dikehendaki untuk menghasilkan sebuah video siaran berita pendek berbahasa Inggeris yang berkait rapat dengan isu amalan hijau seperti kelestarian alam sekitar dan kesan rumah hijau. Para peserta juga perlu cuba untuk mengaitkan isu amalan hijau ini dengan simpulan bahasa (idioms) yang telah dipelajari.

Secara tidak langsung, para peserta telah belajar untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris dengan lebih lancar serta cakna dengan isu semasa melibatkan silibus yang dipelajari.

Justeru, tahniah diucapkan kepada para pemenang berikut:

Tempat Pertama:

Aliah Maisarah binti Mohd Khairol
Puteri Reske binti Abdullah
Ain Nurbaity binti Norezam



Tempat Kedua:

Jesinta Maria Justin
Nur Adlyn Nazurah binti Adli

Tempat Ketiga:

Alie Amelia binti Mohamad Fadel
Varshini a/p Selapan

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa atas penganjuran program. Juga, terima kasih yang tidak terhingga kepada dua orang juri jemputan iaitu Puan Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Puan Nor Fazila binti Shamsuddin. Terusakan momentum positif ini demi pemantapan akademik dalam Bahasa Inggeris.




PROGRAM RAMADAN TANPA CELA: JAUHI KESALAHAN SYARIAH

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama pelajar DHF2A telah menganjurkan Program Pra Ramadan bertajuk “Ramadan Tanpa Cella: Hindari Kesalahan Syariah”. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada 116 pelajar mengenai kesalahan yang sering berlaku sepanjang bulan Ramadan berdasarkan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka.

Ceramah utama disampaikan oleh Ustaz Muhamad Firdaus bin Shapian, Ketua Unit Penguatkuasaan JAIM, yang berkongsi pengalaman sebenar dalam mengurus kes berkaitan pelanggaran undang-undang syariah. Kisah dan situasi lapangan yang dikongsikan memberikan gambaran jelas kepada peserta tentang bentuk tindakan dan hukuman yang boleh dikenakan.

Program turut diserikan dengan pameran khas oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM yang membuka ruang kepada pelajar bertanya soalan berkaitan hukum-hakam, kesalahan syariah serta cara melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang Islam.

Sebagai penutup, peserta menyertai kuiz interaktif melalui Quizizz dan ujian post-test bagi menilai tahap kefahaman mereka. Hadiah disampaikan oleh Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru, Ketua Kursus Bahasa Inggeris yang mewakili Ketua Jabatan Pengajian Am. Program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran pelajar dalam menjaga adab dan mematuhi syariah sepanjang Ramadan.



EXPLAIN IT LIKE A PRO"-INFOGRAPHIC POSTER COMPETITION

Politeknik Merlimau Melaka melalui kursus *Technical English 2 (DUE30072)* telah berjaya menganjurkan *Explain It Like A Pro - Infographic Poster Competition* pada 4 hingga 5 September 2025, melibatkan penyertaan seramai 120 orang pelajar Semester 3 daripada jabatan kejuruteraan. Pertandingan ini bertujuan meningkatkan keupayaan pelajar dalam menjelaskan proses, prosedur dan arahan berkaitan keselamatan tempat kerja secara jelas dan efektif.

Program ini dirangka bagi memenuhi keperluan industri yang menuntut graduan bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal, tetapi turut memiliki kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Inggeris. Melalui pertandingan ini, pelajar mengaplikasikan penulisan proses, prosedur dan arahan daripada kursus ke dalam poster infografik yang kreatif, tersusun dan mudah difahami.

Objektif utama program ini termasuk melatih pelajar memberi arahan dengan tepat, meneroka penyampaian proses secara inovatif, memupuk minat pelajar menggunakan Bahasa Inggeris, serta mendidik mereka menghargai karya intelek dan mengelakkan plagiat.

Program ini memberikan impak yang signifikan dengan memperkukuh pengetahuan pelajar dalam penyampaian arahan tempat kerja, meningkatkan nilai tambah graduan, serta membantu mereka memenuhi kehendak industri. Selain itu, pelajar turut didedahkan kepada persaingan sihat sekaligus meningkatkan keyakinan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris secara profesional.

Ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada penyelaras program, pensyarah yang terlibat serta kesemua 120 peserta yang menunjukkan komitmen cemerlang sehingga menjayakan program ini. Program ini diharapkan terus menjadi platform berkesan dalam melahirkan graduan yang kompeten, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.



CHAMPION (DTP3B-GROUP 2)



1ST RUNNER UP (DET3B-GROUP 3)



1ST RUNNER UP (DKM3C-GROUP 5)



ANUGERAH KHAS JURI (DTK3B-GROUP 4)




ANUGERAH KHAS JURI (DKM3C GROUP 1)


SPEAK UP CHALLENGE: NEWSCASTING COMPETITION

Politeknik Merlimau Melaka melalui kursus *Technical English 2 (DUE30072)* telah berjaya menganjurkan *SPEAK UP CHALLENGE:NEWSCASTING COMPETITION* pada 26 September 2025, melibatkan penyertaan seramai 60 orang pelajar Semester 1. Merupakan sebuah inisiatif berimpak tinggi yang direka khas untuk memperkasa kemahiran komunikasi pelajar melalui aktiviti penyampaian berita secara profesional.

Program ini dirancang bagi memenuhi keperluan industri yang menuntut graduan bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal, tetapi turut memiliki kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Inggeris. Melalui pertandingan ini, pelajar mengaplikasikan penulisan proses, prosedur dan arahan daripada kursus ke dalam poster infografik yang kreatif, tersusun dan mudah difahami.



Melalui pertandingan ini, pelajar didedahkan kepada format sebenar penyampaian berita, merangkumi struktur kandungan, teknik vokal, kawalan intonasi, interpretasi skrip serta etika penyampaian maklumat. Pelajar bukan sahaja membaca berita, malah dilatih untuk menganalisis, memahami dan menghasilkan skrip berita yang tepat, kreatif dan relevan dengan konteks semasa.



Selain itu, program ini turut menyokong pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi jelas, pemikiran kritis, kerjasama berkumpulan dan kebolehan membuat keputusan.



Secara keseluruhannya, *Speak Up Challenge: Newscasting Competition* berfungsi sebagai satu inisiatif pendidikan holistik yang bertujuan melahirkan pelajar yang lebih yakin, berkemahiran tinggi dan berpengetahuan dalam penyampaian maklumat serta komunikasi profesional.



Ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada penyelaras program, pensyarah yang terlibat serta kesemua 60 peserta yang menunjukkan komitmen cemerlang sehingga menjayakan program ini. Program ini diharapkan terus menjadi platform berkesan dalam melahirkan graduan yang kompeten, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

PROGRAM PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS GAMEDDICTION DAY 2.0

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) terus memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dengan menganjurkan program “GAMEDDICTION DAY 2.0” pada 4 Februari 2025 yang merupakan kesinambungan daripada *GAMEDDICTION DAY 1.0* yang dimulakan pada tahun 2024. Program ini memberi pendedahan dan peluang kepada para peserta untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris mereka melalui penggunaan permainan papan pemuka inovasi *GAMEDDICTION* yang telah dicipta khusus dengan pendekatan interaktif dan menyeronokkan.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 75 orang peserta terdiri daripada pelajar semester 1 yang mengambil subjek *DUE10112*. Melalui program ini, para pelajar boleh berseronok bermain permainan ini namun mereka masih boleh belajar dan menguasai Bahasa Inggeris dalam suasana santai. Pendekatan seperti ini lebih mudah dan kurang memberi tekanan kepada pelajar. Ia juga memupuk kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar di mana pelajar belajar sendiri sambil bermain permainan papan pemuka inovasi *GAMEDDICTION*.

Secara keseluruhan, para peserta yang terlibat menzahirkan respons positif dengan permainan papan pemuka *GAMEDDICTION* tersebut. Ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada penyelaras program, pensyarah yang terlibat serta kesemua 75 peserta yang menunjukkan komitmen cemerlang sehingga menjayakan program ini. Program ini diharapkan terus menjadi platform berkesan dalam melahirkan graduan yang kompeten, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.



PROGRAM HINDARI RASUAH: LAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH INTEGRITI

Satu Program Pengukuhan Integriti Dan Kempen Kesedaran Anti Rasuah Dalam Kalangan Pelajar telah dijalankan pada hari 24 Februari 2025 (Isnin) bertempat di Dewan Titanium Politeknik Merlimau Melaka. Program ini merupakan satu projek ilmiah pelajar di bawah seliaan Pn. Hjh Munirah Binti Hj Mustaffa dan Pn. Shahrizah Binti Husin selaku pensyarah bagi Kursus Integriti dan Anti rasuah (MPU22071).

Taklimat Integriti dan Anti Rasuah telah disampaikan oleh Inspektor Mohd Nur Fikry bin Sukor dari Bahagian Siasatan/kajian Kes, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ustaz Hj Mohd Faisal bin Ahmad selaku Ketua Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka. Program ini dapat memberi impak tinggi kepada pelajar dalam memastikan kemenjadian sebagai seorang yang berkemahiran dan berakhlak mulia.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa dan para peserta atas keterlibatan dalam program yang penuh manfaat ini.



PERTANDINGAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH VIDEO KORPORAT DAN POSTER INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (MPU22071)

Satu Program Pertandingan dan Penyampaian Hadiah Video Korporat & Poster (MPU 22071 – Integriti & Anti Rasuah) telah dijalankan pada 23 September 2025 (Selasa) bertempat di Dewan Titanium Politeknik Merlimau Melaka. Program ini merupakan satu projek ilmiah pelajar di bawah seliaan Pn. Hjh Munirah Binti Hj Mustaffa dan Pn. Shahrizah Binti Husin selaku pensyarah bagi Kursus Integriti dan Anti rasuah (MPU22071).

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu pertandingan video korporat dan pertandingan poster yang bertemakan Integriti dan Anti Rasuah. Terdapat dua orang juri profesional yang di lantik dalam kalangan pensyarah dan pegawai Tatakelola Politeknik Merlimau Melaka bagi menilai hasil pelajar. Pertandingan video dan poster sangat memberi impak yang tinggi dalam melahirkan pelajar yang berdaya saing serta berfikiran kreatif. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ustaz Hj Mohd Faisal bin Ahmad selaku Ketua Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka. Program ini dapat memberi impak tinggi kepada pelajar dalam memastikan kemenjadian sebagai seorang yang berkemahiran, berdaya saing dan berakhlak mulia.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa dan para peserta atas keterlibatan dalam program yang penuh manfaat ini.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PUSAT ISLAM AN NUR PMM 2025

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau (PMM) terus mengukuhkan semangat kesukarelawan bagi memupuk nilai kebersamaan dan menghidupkan semangat bergotong royong dalam kalangan pelajar PMM di samping memastikan Pusat Islam sentiasa terpelihara dan bersih untuk aktiviti keagamaan serta ibadah dalam elemen Kemahiran Interpersonal dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menganjurkan Program Gotong Royong Pusat Islam An Nur Politeknik Merlimau Melaka 2025. Program ini merupakan satu projek ilmiah pelajar di bawah seliaan Pn. Suriati binti Barning selaku pensyarah bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21072).

Tujuan Penganjuran Program:

- i) Mencadangkan sikap yang positif terhadap isu dan cabaran kontemporari dari perspektif etika dan peradaban bagi memenuhi CLO 3 kursus MPU21072.
- ii) Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kebersihan dan penjagaan kemudahan di Pusat Islam An Nur.
- iii) Memupuk semangat kerjasama, tanggungjawab dan perpaduan dalam kalangan pelajar.
- iv) Menggalakkan budaya sukarela serta penglibatan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan.
- v) Menjadikan Pusat Islam An Nur sebagai kawasan yang bersih, selamat dan selesa untuk aktiviti ibadah serta program keagamaan.

Program ini telah disertai seramai 27 orang pelajar Program DPR1B Politeknik Merlimau Melaka. Aktiviti gotong royong bermula jam 8:30 pagi dengan dimulainya dengan sesi taklimat ringkas berkaitan agihan kawasan gotong royong yang telah disampaikan oleh pengarah program iaitu Nur Zulainaa binti Nuzaidi. Semua peserta bergerak ke kawasan yang telah ditetapkan. Setiap kawasan dibersihkan dengan teliti meliputi penyusunan peralatan, pembersihan lantai, penyapuan, pembersihan tandas serta pengemasan keseluruhan ruang Pusat Islam An Nur. Program gotong royong selesai pada jam 11.00 pagi.

Secara keseluruhannya, program gotong royong ini telah berjalan dengan baik dan mencapai objektifnya. Kerjasama semua peserta amatlah baik. Tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerja pelajar DPR1B PMM atas penganjuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan bagi memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam meningkatkan lagi budaya kesukarelawan dalam kalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan.



PROGRAM PERTANDINGAN POSTER ANTI RASUAH PMM 2025

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus mengukuhkan semangat anti rasuah bagi memupuk nilai integriti, amanah dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar PMM dalam elemen Kemahiran Interpersonal dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menganjurkan Program Pertandingan Poster Anti Rasuah, bertempat di bilik TEC Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka 2025. Program ini merupakan satu projek ilmiah pelajar di bawah seliaan Pn. Suriati binti Barning selaku pensyarah bagi Kursus Penghayatan Integriti dan Anti Rasuah (MPU21072).

Tujuan Penganjuran Program:

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kesan buruk rasuah serta memupuk nilai integriti, amanah dan tanggungjawab dalam kalangan peserta.
3. Menggalakkan kreativiti dalam menyampaikan mesej antirasuah melalui medium seni dan reka bentuk poster.
4. Menyokong inisiatif kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memperkasakan budaya bebas rasuah.

Program ini telah disertai seramai 18 orang pelajar Program DEP3A dan 27 orang pelajar Program DPR1B Politeknik Merlimau Melaka. Program ini bermula jam 8:30 pagi dengan dimulainya dan berakhir pada 11:00 pagi.

Pertandingan ini telah dimenangi kumpulan 2 dari Program DPR1B sebagai johan, tempat kedua pula kumpulan 1(A) juga dari Program DPR1B, tempat ketiga dimenangi kumpulan 1 dari Program DEP3A dan tempat keempat dimenangi kumpulan 2 dari Program DEP3A. Program ini berjalan dengan baik dan mencapai objektifnya. Kerjasama dari semua peserta amatlah baik. Tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerja pelajar DEP3A dan DPR1B atas penganjuran program yang penuh manfaat ini. Teruskan kecemerlangan bagi memastikan program sebegini sentiasa menjadi agenda utama dalam meningkatkan lagi kesedaran integriti dan anti rasuah dalam kalangan bakal graduan TVET politeknik masa hadapan





CERITERA 2

BAHAN DIGITAL & PENGAJARAN (PDP) JPA

Inspirasi Ilmiah & Kreatif

PENERBITAN EBUKU BERTAJUK “NILAI AGAMA MASYARAKAT MALAYSIA”


Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus memperkukuhkan bahan rujukan Pengajian Umum bagi kursus MPU23172 Nilai Masyarakat Malaysia dalam bentuk digital.

Ebuku ini mengupas sistem nilai dalam pelbagai agama yang diamalkan di Malaysia termasuk Islam, Buddha, Hindu dan Kristian, menekankan prinsip moral dan etika yang membentuk kehidupan individu dan masyarakat. Selain itu, ia turut menyorot kepelbagaian adat resam dan budaya masyarakat Malaysia seperti Melayu, Cina, India dan Pribumi, serta bagaimana tradisi ini mempengaruhi interaksi sosial, keharmonian dan identiti budaya negara. Melalui penerangan yang ringkas dan terperinci, pembaca dapat memahami hubungan antara nilai agama, adat resam dan budaya, serta kepentingannya dalam membina masyarakat Malaysia yang toleran, beretika dan harmoni.

Ebuku yang dihasilkan oleh Pn. Sharifah Nur ini adalah untuk memberi panduan menyeluruh kepada pelajar dan pensyarah serta memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Ebuku ini juga dilengkapi dengan latihan pengukuhan, game interaktif dan maklumat tambahan dalam bentuk QR Code.

Ebuku ini telah telah mendapat eISBN dan Pengkatalogan PdP dengan nombor eISBN 978-629-7737-33-1 pada 15 Disember 2025.

Tahniah diucapkan kepada penulis yang tidak pernah lelah dan jemu dalam berkongsi ilmu kepada para pelajar.



**SCAN QR DI SINI UNTUK
MEMBACA EBUKU**

PENERBITAN EBUKU BERTAJUK “TANGGUNGJAWAB INDIVIDU MASYARAKAT MALAYSIA”


Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus memperkukuhkan bahan rujukan Pengajian Umum bagi kursus MPU23172 Nilai Masyarakat Malaysia dalam bentuk digital.

Ebuku ini merangkumi peranan asas individu dalam membentuk diri yang berdisiplin, keluarga yang harmoni, masyarakat yang bertolak ansur serta alam sekitar yang terpelihara. Dengan memahami tanggungjawab peribadi, setiap individu dapat menyumbang secara positif kepada kesejahteraan bersama. Amalan nilai murni, keprihatinan sosial dan sikap menjaga alam dijadikan asas kepada perpaduan dan kemajuan negara. Keseluruhan kandungan menekankan bahawa perubahan besar bermula daripada tindakan kecil setiap individu. Melalui kefahaman ini, generasi pelajar diharap mampu menjadi warganegara beretika dan berdaya saing.

Ebuku yang dihasilkan oleh Pn. Sharifah Nur ini adalah untuk memberi panduan menyeluruh kepada pelajar dan pensyarah serta memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Ebuku ini juga dilengkapi dengan latihan pengukuhan, game interaktif dan maklumat tambahan dalam bentuk QR Code.

Ebuku ini telah mendapat eISBN dan Pengkatalogan PdP dengan nombor eISBN 978-629-7737-35-5 pada 15 Disember 2025.

Tahniah diucapkan kepada penulis yang tidak pernah lelah dan jemu dalam berkongsi ilmu kepada para pelajar.



**SCAN QR DI SINI UNTUK
MEMBACA EBUKU**

PENERBITAN EBUKU BERTAJUK THE INE3PRO INNOVATION FRAMEWORK: FROM PITCHING TO ADVERTISEMENT



Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau (PMM) terus komited dalam memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris melalui penghasilan bahan digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dengan menerbitkan sebuah EBuku bertajuk “*The ine3PRO Innovation Framework: From Pitching to Advertisement*”.

Penerbitan eBuku ini bertujuan menyediakan panduan menyeluruh berkaitan penguasaan teknik *pitching* yang berkesan, bukan sahaja untuk kegunaan kursus *Communicative English 2*, malah sebagai nilai tambah kepada pelajar PMM secara keseluruhannya serta pihak industri yang berhasrat menghasilkan bahan pengiklanan selaras dengan konsep *pitching* yang berimpak tinggi. EBuku ini telah melalui proses tapisan dalaman sebelum dianugerahkan nombor eISBN 978-629-7737-26-3.


EBuku ini ditulis oleh Pn. Nur Farhana Binti Misno dan telah disemak serta disunting oleh dua orang pensyarah Bahasa Inggeris, iaitu Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Pn. Nurul Nadiha binti Kassim.

Tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

**SCAN QR DI SINI UNTUK
MEMBACA EBUKU**



PEMBANGUNAN BAHAN VIDEO PDP AI BERTAJUK *THE INE3PRO INNOVATION FRAMEWORK: FROM PITCHING TO ADVERTISEMENT*



Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau (PMM) terus komited dalam memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris melalui pembangunan bahan video Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berasaskan kecerdasan buatan (AI) bertajuk *“The ine3PRO Innovation Framework: From Pitching to Advertisement.”*

Proses penghasilan video ini yang mengambil masa hampir enam bulan bermula dengan pelantikan dalaman pembangun video PdP AI dalam kalangan pensyarah Bahasa Inggeris. Pasukan ini diketuai oleh Pn. Nur Farhana binti Misno dan disertai oleh Pn. Rosheela binti Muhammad Thangaveloo, Pn. Maisarah binti Abdul Latif, Noor Syahrina Azween binti Md. Saru, serta Pn. Nurul Nadiha binti Kassim.

Sepanjang proses pembikinan video tersebut, para pembangun video PdP AI telah mengikuti dua kursus utama dalam bidang e-Pembelajaran bagi memperkukuhkan kefahaman berkaitan penghasilan prompt yang berkesan serta pembangunan video AI yang berkualiti.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini.

SCAN QR DI SINI UNTUK
MENONTON VIDEO AI





CERITERA 3

PENYELIDIKAN, PENERBITAN & PEMBENTANGAN JPA

Inspirasi Ilmiah


PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “APLIKASI KAEDAH TALAQQI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN DOA QUNUT”

Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Aplikasi Kaedah Talaqqi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Doa Qunut”.

Kertas kajian ini adalah hasil penulisan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) dan dibentangkan oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu. Tujuan penghasilan kertas kajian ini adalah untuk membantu pelajar menghafaz bacaan doa qunut dengan baik dan sempurna. Selain itu, ianya dapat mengaplikasikan teknik menghafaz doa qunut bagi merangsang minat pelajar dalam menghafaz dan melaksanakan solat dengan sempurna.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProceeding 17th International Conference on Business and Education (ICBE).

Tahniah diucapkan kepada pensyarah terlibat.



International Conference on Business Studies and Education (ICBE)
e-ISSN: 2785-9479
E-MAIL: chief_editor@icbe.my or info@icbe.my
WEB: <http://www.icbe.my/>

Presentation Schedule

No	Presenter	Topic	Time
8	Rodiah binti Ibrahim	Persepsi terhadap Penggunaan Data Elektronik "Basic Security" sebagai Bahan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Teknologi Maklumat (IT) - Trek Kejuruteraan Maklumat di Politeknik Metro Tasek Gelagar	11.45 AM – 12.00 PM
9	Ts. Nurfarida binti Mohamad Nadri	Tahap Kesedaran, Pengetahuan dan Implikasi Dulu Siber dalam Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau	12.00 PM – 12.15 PM
10	Sharifah Nur binti Abu	Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Kesannya terhadap Kemahiran Berfikir Arah Tinggi	12.15 PM – 12.30 PM
11	Mohd Faizal bin Mohd Anis	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Bidang Kejuruteraan Elektrik	12.30 PM – 12.45 PM

Moderator - Photo Session
Followed by session conclusion and closing remarks.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN DAN KESANNYA TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI”

Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk “Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Kesannya Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”.

Kertas kajian ini adalah hasil penulisan bersama oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu dan En. Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (Guru SMK Tun Syed Zahiruddin) dan dibentangkan oleh Pn. Sharifah Nur binti Abu. Tujuan penghasilan kertas kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam meningkatkan KBAT pelajar berfokus kepada aspek seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kreativiti.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProceeding 17th International Conference on Business and Education (ICBE).

Tahniah diucapkan kepada pensyarah terlibat.

International Conference on Business Studies and Education (ICBE)
e-ISSN: 2785-9479

Virtual Conference 2025 ICBE Publication

Organized by

Moderator
Ts. Manimekalai Balasubramaniam
Lecturer
Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor, Malaysia

Future Skills and Leadership Mindsets: Thriving in a Rapidly Evolving World

Keynote Speaker 1
Dr. Suchakar Balasubramaniam
Director
Hindusthan College of Arts and Science,
Coimbatore, India

Shaping Consumer Behaviour in the Era of Industry 4.0

Keynote Speaker 2
Dr. Geetha Nadesan
Lecturer
Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Malaysia

FURTHER INFORMATION
Address ICBE | Whatsapp : 011-33029480 | Email : info@icbe.my | Operating Hours: 9.00pm - 6.00pm - every day
Copyright Reserved : ICBE PUBLICATION (NSQ227611-W) | For More Information : https://www.icbe.my

17th International Conference on Business Studies and Education
e-ISSN : 2785-9479

VISUALLY PRESENTED

Sharifah Nur Abu
27th March 2025 (Thursday)

“Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Kesannya Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”

Ts. Dr. Letchumanan Sbanmugam
Editor-in-chief
International Conference on Business Studies and Education (ICBE)

International Conference on Business Studies and Education (ICBE)
e-ISSN: 2785-9479
E-MAIL: chief_editor@icbe.my
or info@icbe.my
WEB: <https://www.icbe.my/>

Presentation Schedule

No	Presenter	Topic	Time
8	Kodriah binti Ibrahim	Persepsi terhadap Penggunaan Buku Elektronik “Basic Security” sebagai Bahan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Teknologi Maklumat (IT) – Trak Keselamatan Maklumat di Politeknik Metro Task Gelungor	11.45 AM – 12.00 PM
9	Ts. Nurulfarida binti Mohamad Nadari	Tahap Kesedaran, Penguatkuasaan dan Implikasi Buli Siber dalam Kalangan Pelajar Politeknik Mering	12.00 PM – 12.15 PM
10	Sharifah Nur binti Abu	Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Kesannya terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	12.15 PM – 12.30 PM
11	Mohd Faizal bin Mohd Asri	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Bidang Kejuruteraan Elektrik	12.30 PM – 12.45 PM

Moderator - Photo Session
Followed by session conclusion and closing remarks.

17th International Conference on Business Studies and Education
e-ISSN : 2785-9479

VISUALLY PRESENTED

Sharifah Nur Abu
27th March 2025 (Thursday)

“Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Kesannya Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”

Ts. Dr. Letchumanan Sbanmugam
Editor-in-chief
International Conference on Business Studies and Education (ICBE)


PEMBENTANGAN AMALAN BAIK “PORTAL PEMBELAJARAN E-KIT ISLAMIC STUDIES DALAM MENDOKONG PEMBELAJARAN DIGITAL PENGAJIAN UMUM POLITEKNIK”

Politeknik Merlimau terus mengukir nama di peringkat kebangsaan apabila Puan Sharifah Nur binti Abu, Pensyarah Unit Pendidikan Islam, telah berjaya terpilih sebagai salah seorang pembentang dalam Senarai 15 Amalan Terbaik Pengajian Umum & STEM 2025 anjuran Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) KPT.

Pencapaian berprestij ini bukan sahaja membuktikan kualiti inovasi dan amalan pengajaran berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh warga PMM, malah mengangkat peranan Pengajian Islam sebagai pemacu nilai, kelestarian dan pemikiran holistik selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Pemilihan ini melalui proses penilaian yang kompetitif melibatkan penyertaan warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara, sekaligus membuktikan bahawa amalan PdP di Politeknik Merlimau adalah berkualiti, inovatif dan selari dengan keperluan pendidikan semasa serta pendekatan pengajaran berimpak tinggi dalam ekosistem POLYCC.

Syabas dan tahniah diucapkan atas pencapaian cemerlang ini.




PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK “*ENHANCING TEACHING AND LEARNING EXPERIENCE VIA TEACH ME ENGLISH KIT (GAMEDDICTION BOARDGAME)*”

Pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau (PMM) sekali lagi mengharumkan nama institusi apabila berjaya membentangkan hasil kajian inovatif bertajuk “*Enhancing Teaching and Learning Experience via Teach Me English Kit (Gameddiction Boardgame)*” pada persidangan akademik berprestij (RIACS 2025).

Kajian berkenaan, yang ditulis dan dibentangkan oleh Nor Fazila binti Shamsuddin, meneliti tahap penerimaan pelajar subjek DUE10112 terhadap penggunaan *Teach Me English Kit (Gameddiction Boardgame)* sebagai alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif ini bukan sahaja memperkenalkan pendekatan pembelajaran berbentuk permainan (*game-based learning*), malah membuktikan keberkesannya dalam meningkatkan motivasi serta keterlibatan pelajar semasa kelas.

Pembentangan ini telah berlangsung dalam *Research and Innovation Academia Symposium with International Invitation (RIACS 2025)* yang diadakan pada 17 Oktober 2025 di Politeknik Merlimau Melaka, sekali gus mengiktiraf sumbangan pensyarah PMM di peringkat antarabangsa.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Nor Fazila binti Shamsuddin serta semua pihak yang terlibat atas kejayaan membanggakan ini. Semoga usaha ini menjadi inspirasi kepada lebih ramai warga akademik untuk terus meneroka inovasi dalam dunia pendidikan.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KAJIAN BERTAJUK KAJIAN TAHAP PENGETAHUAN TERHADAP PELAKSANAAN HOTEL PATUH SYARIAH DAN KEKANGAN SEBAGAI PENGGUNA MUSLIM

Seorang pensyarah daripada Unit Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas Kajian Tahap Pengetahuan Terhadap Pelaksanaan Hotel Patuh Syariah Dan Kekangan Sebagai Pengguna Muslim.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh tiga orang pensyarah yang terdiri daripada pelbagai institusi. Pasukan ini diketuai oleh Pn. HJh. Munirah binti Hj Mustaffa sebagai pembentang, bersama-sama dua orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Hjh Naimah Binti Ghazali dan Pn Nur Asma' Binti Shamsuddin.

Kertas kajian peringkat antarabangsa ini telah diterbitkan dalam e-Prosiding bagi *INTERNATIONAL TVET & ENTREPRENEURSHIP CONFERENCE (3rd ITEC 2025)* anjuran bersama Politeknik Kota Bharu dan Politeknik Negeri Medan.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KERTAS KAJIAN BERTAJUK

HAK WANITA DALAM ISLAM: SATU SOROTAN TERHADAP WANITA ISLAM BEKERJAYA DAN CABARAN DALAM KONTEKS MALAYSIA

Pasukan pensyarah daripada Unit Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian Hak Wanita Dalam Islam: Satu Sorotan Terhadap Wanita Islam Bekerjaya Dan Cabaran Dalam Konteks Malaysia.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh tiga orang pensyarah Unit Pendidikan Islam yang diketuai oleh Pn HJh Munirah binti Hj Mustaffa sebagai pembentang, bersama-sama dua orang lagi pensyarah sebagai penulis bersama iaitu Pn. Siti Noor Binti Hussain dan Pn. Shahrizah Binti Husin.

Kertas kajian peringkat antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding bagi *International Conference In Education Technical And Vocational Education And Training (iCiE-TVET 2025)* anjuran bersama Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Cendana Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



PEMBENTANGAN DAN PENERBITAN KERTAS KAJIAN TAHAP PENGAMALAN AJARAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA DALAM ASPEK IBADAH

Pasukan pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan kertas kajian bertajuk Tahap Pengamalan Ajaran Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melaka Dalam Aspek Ibadah bertempat di The Ship Campus, Pulau Pinang.

Kertas kajian ini telah ditulis oleh 2 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam yang diketuai oleh Puan Suriati binti Barning sebagai pembentang, bersama-sama 1 orang lagi pensyarah Politeknik Melaka sebagai penulis bersama iaitu Ust. Mohd Faizal bin Mat Pesa.

Kertas kajian peringkat Antarabangsa ini telah diterbitkan dalam eProsiding *iCiTVET 2025 Transformative Pathways: Bridging Skills Technology and Sustainability in TVET* anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan Kerjasama Politeknik Cendana, Indonesia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



PENERBITAN DUA KERTAS KAJIAN DUALISME DALAM PENDIDIKAN SATU CABARAN DALAM PEMBENTUKAN WARGANEGARA SOLEH & PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR MELALUI PENDIDIKAN ISLAM

Pasukan pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya menulis kertas konsep dalam Juadah Minda 2025 peringkat Kebangsaan kategori sains sosial yang bertajuk Dualisme Dalam Pendidikan Satu Cabaran Dalam Membentuk Warganegara Soleh dan Pembentukan Akhlak Pelajar Melalui Pendidikan Islam bertempat di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.

Penulisan ini telah diterbitkan dalam e Digest Juadah Minda 2025 *"Innovation Ideas, Crafting Excellence"*. Kertas konsep bagi tajuk "Dualisme Dalam Pendidikan Satu Cabaran Dalam Membentuk Warganegara Soleh" ini telah ditulis oleh 2 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam yang diketuai oleh Puan Suriati binti Barning sebagai ketua penulis, bersama-sama ustaz Mohd Lokman bin Ahmad sebagai penulis bersama. Manakala, kertas konsep bagi tajuk "Pembentukan Akhlak Pelajar Melalui Pendidikan Islam" telah ditulis oleh 2 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam yang diketuai oleh Puan Suriati binti Barning sebagai ketua penulis, bersama-sama ustaz Mohd Faizal bin Mat Pesa dari Unit Pendidikan Islam Politeknik Melaka sebagai penulis bersama.

Penulisan peringkat Kebangsaan ini telah diterbitkan dalam e Digest Juadah Minda 2025 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Bersama Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.





CERITERA 4

PRODUK INOVASI & PERTANDINGAN

Inspirasi Ilmiah & Kreatif




PERTANDINGAN INOVASI NATIONAL VIRTUAL INNOVATION CREATIVE COMPETITION 2025 [NVICC'25]

Sepasukan Pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi bagi sebagai tambah nilai kepada inovasi mereka bertajuk "ine3PRO Innovation Framework".


Inovasi yang terdiri daripada 3 teraju utama iaitu Pn. Nur Farhana binti Misno sebagai ketua kumpulan, bersama-sama Pn. Noor Syahrina Azween binti Md Saru dan Pn. Nurul Nadiha bt Kassim ini telah berjaya meraih emas dalam pertandingan inovasi peringkat kebangsaan. Inovasi yang telah diaplikasikan sejak tahun 2024 ini dibina dengan tujuan membantu para pelajar menghasilkan *pitching* yang berkualiti selari dengan kehendak rubrik pentaksiran DUE30122 dan DUE30022. Di samping itu, inovasi ini juga boleh diperluaskan serta digunapakai oleh pelbagai agensi bagi menambah baik mutu perkhidmatan serta pengiklanan produk masing-masing.

Inovasi *ine3PRO Innovation Framework* ini telah dipertandingkan dalam *National Virtual Innovation Creative Competition 2025 (NVICC'25)* anjuran Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.



SCAN QR DI SINI UNTUK MENONTON
VIDEO PERTANDINGAN



PERTANDINGAN INOVASI INTERNATIONAL EDUCATIONAL INNOVATION CARNIVAL 2025 (IEIC 2025)

Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi bagi Kategori Inovasi Teknologi Digital dalam Pendidikan melalui penghasilan inovasi bertajuk *E-Kit Islamic Studies (E-KIS)*.

Inovasi ini merupakan hasil kolaborasi antara Puan Sharifah Nur binti Abu dan Encik Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar (SMK Tun Syed Zahiruddin), yang telah berjaya meraih Pingat Emas dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa.

Pembangunan *E-Kit Islamic Studies (E-KIS)* bertujuan untuk memudahkan capaian pembelajaran di luar sesi PdP, meningkatkan penglibatan pelajar dalam tugas serta mengoptimumkan penggunaan teknologi digital selari dengan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21.

Penyertaan dan pengaplikasian inovasi ini dalam PdP secara langsung menyokong pencapaian KPI inovasi institusi, sekali gus memperkukuh budaya inovasi dan amalan pengajaran berimpak tinggi di Politeknik Merlimau Melaka.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada pensyarah yang terlibat atas pencapaian cemerlang ini.



SCAN QR DI SINI UNTUK KE
PORTAL PEMBELAJARAN EKIS

PERTANDINGAN INOVASI INTERNATIONAL CONFERENCE ON GLOBAL EDUCATION 2025 [ICGE 2025]

Seramai tiga orang pensyarah daripada Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya membentangkan produk inovasi mereka yang bertajuk *GAMEDDICTION BOARDGAME, Levelling Up English: Harnessing the Power of Game-Driven Learning* dalam sebuah pertandingan inovasi peringkat antarabangsa anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Inovasi tersebut turut meraih kejayaan membanggakan dengan penganugerahan pingat perak.

Produk inovasi ini dibangunkan oleh tiga pensyarah Jabatan Pengajian Am, iaitu Nor Fazila binti Shamsuddin, Norafidah binti Hj Abdullah, dan Maisarah binti Abdul Latif. Permainan papan *GAMEDDICTION* berfungsi sebagai alat pedagogi yang berpotensi tinggi dalam memperkaya perkembangan kosa kata, meningkatkan kemahiran pembinaan ayat, serta memperkukuh kecekapan komunikasi lisan.


Dengan mentransformasikan pembelajaran bahasa kepada pengalaman yang interaktif dan berasaskan penglibatan aktif, inovasi ini berjaya menongkah kebekuan kaedah tradisional yang lazimnya bersifat monotonous. *GAMEDDICTION* bukan sahaja meningkatkan keyakinan pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris secara natural dan spontan, malah turut merangsang motivasi intrinsik mereka untuk terus menambah baik kecekapan linguistik. Kesannya, pelajar bukan sahaja menunjukkan peningkatan kemahiran bahasa yang ketara, bahkan membentuk sikap yang lebih positif terhadap proses pembelajaran itu sendiri.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat atas kejayaan mengharumkan nama institusi.



PERTANDINGAN INOVASI IHOT- ISLAMIC HOTEL TRANSFORMATIONS [VER:2.0]

Seorang pensyarah daripada Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau (PMM), iaitu Pn. Hjh. Munirah binti Hj. Mustaffa, terus melakar kejayaan apabila produk IHoT - Islamic Hotel Transformations yang sebelum ini meraih Pingat Emas di peringkat Kebangsaan, kini melalui penambahbaikan versi IHoT Ver. 2.0 dan berjaya memperoleh Pingat Emas di peringkat Antarabangsa. Pertandingan berprestij tersebut telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Chenderoh.



Laman Web ini turut dibangunkan bersama 2 orang pensyarah yang berlainan institusi iaitu Puan Hajjah Naimah Binti Ghazali daripada Politeknik Ibrahim Sultan dan Puan Asma' Binti Shamsuddin dari Universiti Multimedia.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

PERTANDINGAN INOVASI E SOLAT JAMAK QASAR

Pasukan pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau (PMM) telah berjaya mendapat pingat perak dalam pertandingan *INNOCREATE 2025* kategori pengurusan dalam *POLYCC COMMERCIALIZATION CATALYST CARNIVAL 2025* bertempat di Segamat Central, Johor.

Pertandingan inovasi ini telah dilaksanakan oleh 3 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am yang diketuai oleh Puan Suriati binti Barning sebagai ketua pasukan inovasi, bersama-sama 2 orang lagi pensyarah Unit Bahasa Inggeris sebagai pembantu “inovator” iaitu Puan Norafidah binti Hj Abdullah dan Puan Maisarah binti Abdul Latif.

Pertandingan *INNOCREATE 2025* peringkat Kebangsaan ini adalah anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.





CERITERA 5

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) JPA

Inspirasi Ilmiah & Kreatif

KURSUS INTENSIF PENGURUSAN JENAZAH

Kursus Intensif Pengurusan Jenazah anjuran PSH Unit Pendidikan Islam, JPA yang berlangsung pada 19 April 2025 menerima sambutan memberangsangkan apabila seramai 90 peserta berjaya menyertai program berkenaan. Kursus ini menampilkan penceramah jemputan, Ustaz Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar dari SMK Tun Syed Zahiruddin. Penganjuran kali ini berjalan dengan lancar hasil kerjasama erat antara penceramah dan para peserta sepanjang sesi.

Sepanjang program, peserta didedahkan dengan slot teori yang merangkumi hukum-hakam serta ketetapan syarak berkaitan pengurusan jenazah. Penceramah turut menghuraikan tatacara lengkap bermula daripada saat kematian, pengurusan jenazah, hinggalah ke proses pengebumian. Penekanan turut diberikan kepada adab, etika dan sensitiviti yang perlu dijaga oleh pengurus jenazah bagi memastikan setiap urusan dijalankan mengikut tuntutan Islam.

Sesi praktikal pula menjadi komponen yang paling memberi impak kepada peserta apabila mereka berpeluang menyertai demonstrasi dan amali sebenar. Latihan turut meliputi teknik memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan serta memahami prosedur pengebumian berdasarkan garis panduan syarak. Melalui latihan hands-on ini, pelajar PMM dapat menguasai kemahiran asas pengurusan jenazah secara lebih menyeluruh, sesuai dengan keperluan fardhu kifayah.

Keseluruhannya, semua pelajar berjaya mengikuti kursus ini dengan cemerlang. Melihat keberkesanan serta minat tinggi dalam kalangan peserta, pihak penganjur berpandangan bahawa promosi yang lebih agresif boleh dijalankan pada masa akan datang bagi menarik lebih ramai penyertaan.

Program kendalian Unit Pendidikan Islam ini membuktikan komitmen mereka dalam menyediakan latihan berkualiti dan bermanfaat kepada para pelajar. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam pengendalian program ini.



CERITERA 6

**PROGRAM JPA
BERSAMA
INSTITUSI/
AGENSI/
MASYARAKAT/
UMUM**


Inspirasi Ilmiah & Kreatif

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA, BIL. 1/2025

Perhimpunan Bulanan Kali 1/2025 anjuran Jabatan Pengajian Am telah berlangsung dengan jayanya di Politeknik Merlimau Melaka. Majlis yang diketuai oleh Pn. Hjh. Munirah binti Hj. Mustaffa ini turut dihadiri seramai 337 orang staf daripada pelbagai jabatan dan unit.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. Lt. Kol. Norizam bin Sekak, Pengarah Politeknik Merlimau, Puan FaridatulJannah Binti Mohd Noor, Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Merlimau, dan Teknologis Zan Aizuwan Bin Zainal Abidin selaku Timbalan Pengarah Sokongan Akademik. Antara perkongsian maklumat yang disampaikan oleh tuan Pengarah ialah Kejayaan PMM dalam memperolehi Dana Trans-Tech 4TVET, Anugerah PolyCC Berprestasi Tinggi, Sijil Penghargaan Kriteria Penyediaan Latihan Peningkatan Kemahiran Industri dan Pencapaian Cemerlang 100% Skor KPI PolyCC. Politeknik Merlimau Melaka turut dinobatkan sebagai penyertaan tertinggi di Festival Idea VAULT Putrajaya. Banyak lagi kejayaan yang telah diumumkan dalam perhimpunan bulanan pada kali ini.

Tahniah diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa dan para peserta atas keterlibatan dalam program yang penuh manfaat ini.



PROGRAM NEXT-GEN CAREER TOOLS WORKSHOP (I-CARE): “CRAFT, COMMUNICATE, CONQUER”

Program *Next-Gen Career Tools Workshop (I-CARE): “Craft, Communicate, Conquer”* telah berjaya dilaksanakan pada 26 September 2025 di Dewan Platinum, Politeknik Merlimau. Program anjuran Jabatan Pengajian Am melalui Unit Bahasa Inggeris dengan kerjasama Unit CISEC ini bertujuan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran pelajar, khususnya dalam penyediaan dokumen kerjaya dan komunikasi profesional. Seramai hampir 800 orang pelajar daripada pelbagai jabatan akademik telah mengambil bahagian dalam program ini. Kejayaan program ini disumbangkan oleh kepimpinan Pn. Devika Muthusamy Naidoo selaku Pengarah Program dan En. Suresh Kumar sebagai Timbalan Pengarah Program merangkap penyelaras aktiviti, yang kedua-duanya merupakan pensyarah kanan Unit Bahasa Inggeris, bersama barisan jawatankuasa yang komited.



Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai slot interaktif yang dikendalikan oleh panel jemputan daripada PERKESO, *Prosper Global Events and Academy* serta *Concentrix Malaysia*. Antara pengisian utama termasuk pendedahan kepada platform *MyFutureJobs*, bengkel penulisan resume dan surat iringan (cover letter), simulasi temu duga, serta sesi komunikasi profesional di tempat kerja. Penggunaan teknologi digital dan elemen kecerdasan buatan (AI) turut diketengahkan bagi memastikan pelajar lebih bersedia menghadapi keperluan pasaran kerja masa kini selaras dengan aspirasi Industri 4.0.



Penganjuran program ini memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi secara profesional dalam Bahasa Inggeris, di samping memperkukuh kemahiran insaniah dan persediaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan. Selain membantu pelajar menghasilkan dokumen permohonan kerja yang menepati piawaian industri, program ini turut menjadi platform strategik dalam mengukuhkan jaringan kolaborasi antara institusi pendidikan dan pihak industri. Secara keseluruhannya, *Next-Gen Career Tools Workshop (I-CARE)* berjaya mencapai objektifnya sebagai inisiatif pembangunan kerjaya yang holistik ke arah melahirkan graduan Politeknik Merlimau yang kompeten, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran kerjaya global.



KURSUS PENULISAN BULETIN BERKESAN SIRI 1


Seorang pensyarah Bahasa Inggeris yang bertindak sebagai pengarah program dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah berganding bahu bagi menganjurkan Kursus Penulisan Buletin Berkesan yang menyasarkan warga kerja Politeknik Merlimau Melaka (PMM). Kursus yang dilaksanakan secara dalam talian pada 17 Disember lalu ini berjaya menarik penyertaan seramai 35 orang peserta, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi warga PMM dalam memperkukuh kemahiran penulisan profesional.

Penganjuran kursus ini bertujuan menyuntik semangat serta meningkatkan keupayaan warga kerja PMM dalam menghasilkan bahan penerbitan yang berkualiti, khususnya dalam mengangkat kejayaan dan pencapaian di pelbagai peringkat secara lebih kemas, tersusun dan profesional. Penulisan yang berkualiti tinggi bukan sahaja mampu merangsang pemikiran pembaca, malah memudahkan capaian maklumat berkaitan aktiviti dalaman dan luaran institusi.

Majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh Puan Faridatuljana binti Mohd Noor, Timbalan Pengarah Akademik PMM, yang sentiasa menyokong usaha berterusan dalam memperkemas kaedah dokumentasi aktiviti institusi secara lebih tersusun, sistematik dan berimpak tinggi.

Kursus ini turut menampilkan penceramah jemputan, Puan Nurul Julia Alani Henry, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Tengah. Dalam perkongsiaannya, beliau menegaskan bahawa penulisan buletin bukan sekadar permainan bahasa, sebaliknya memerlukan penguasaan struktur ayat yang mantap, pemilihan kosa kata yang tepat serta teknik penyampaian yang berkesan bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas dan mampu menarik minat pembaca.

Secara keseluruhannya, program ini berupaya menjadi pemangkin kepada penghasilan lebih banyak penulisan ilmiah dan berimpak tinggi di PMM pada masa hadapan, di samping terus memartabatkan Bahasa Melayu dalam penulisan rasmi.



SCAN QR DI SINI UNTUK
MEMBACA BERITA BERKAITAN
KURSUS MELALUI JENDELA DBP

PROGRAM 2025 CHINA-ASEAN EDUCATIONAL COOPERATION WEEK

Program 2025 *China-ASEAN Educational Cooperation Week*, yang berlangsung dari 15 hingga 20 Oktober 2025, bukan sekadar sebuah lawatan akademik biasa, tetapi merupakan sebuah pengalaman antarabangsa yang berprestij dalam memperkukuh jaringan strategik pendidikan TVET antara Malaysia dan China. Sejak hubungan kerjasama ini mula terjalin pada tahun 2019, program ini terus menjadi platform unggul yang mempertemukan institusi pendidikan serantau dalam semangat kolaborasi, inovasi, dan pemerkasaan generasi masa depan.



Dengan tema besar “*International Vocational Education Cooperation*” serta slogan penuh makna, “*Hearts Embracing the World, Cultural Bridges to ASEAN*”, penyertaan seramai 19 warga Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah mencerminkan komitmen institusi dalam mengangkat pendidikan TVET ke persada global. Delegasi PMM ini terdiri daripada Timbalan Pengarah (Akademik) (TPA), 4 orang pensyarah termasuk seorang pensyarah JPA iaitu Puan Rozaina binti Abd. Latif, dan 14 orang pelajar *Young Ambassador Club (YAC)*, yang bukan sahaja hadir sebagai peserta, malah membawa peranan sebagai duta kecil institusi dalam memperkenalkan identiti, nilai, dan kecemerlangan PMM di pentas antarabangsa.

Sepanjang program, delegasi PMM telah menyertai pelbagai aktiviti berimpak tinggi termasuk lawatan akademik ke institusi terkemuka seperti *Guiyang Preschool Education College* dan *Anshun Vocational College*, di samping eksplorasi budaya melalui lawatan ke Muzium Jambatan Balinghe, sebuah simbol kehebatan teknologi dan warisan China. Kemuncak program menyaksikan penyertaan dalam *Persidangan Akademik dan Pertukaran Budaya Antarabangsa*, di mana ahli *Young Ambassador Club* telah mempersembahkan *Persembahan Duta PMM*, sekali gus menjadi lambang keterlibatan aktif Malaysia dalam jaringan pendidikan ASEAN-China.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya menjadi jambatan pendidikan dan budaya yang menyatukan institusi, memperkasa pelajar, dan mengangkat nama PMM sebagai sebuah institusi TVET yang bersedia melangkah lebih jauh di pentas dunia.

CERITERA 7

**PENERIMA
ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG
(APC) 2024 JPA
PMM**

Sumber Inspirasi

TAHNIAH! PENERIMA-PENERIMA APC JPA PMM TAHUN 2024



PUAN YEO LI MIN
UNIT BAHASA INGGERIS

ENCIK BOBBY CHEW HAN YONG
UNIT BAHASA INGGERIS



CERITERA 8

CORETAN KREATIF STAF JPA

Inspirasi Kreatif

DI TEMPAT BARU



Di tempat baru ini,
Asing kurasakan
Walau pernah menjejak kaki sebelumnya
Namun kali ini tidak sama.

Di tempat baru,
Aku kini sebahagian warganya
Dengan suasana serba baru, gaya kerja baru
Serta teman – teman baru.

Di tempat baru ini,
Setiap hari adalah masa
Untuk belajar perkara baru
Untuk melazimi amalan baru
Untuk memahami pengetahuan baru.
Dan sepuasnya sudah kiranya
Berada di tempat baru
Bersama harapan,
pengalaman dan pembelajaran
Untuk aku mendepani masa mendatang

Di tempat baru.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



CERITERA INSPENA

JABATAN PENGAJIAN AM جابتن قڤاجين عام



MEREKAYASA INSAN BERSEPADU

EDISI 2025

eISBN 978-629-7737-51-5



9 786297 737515

TERIMA KASIH